



TEKS UCAPAN

**YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG TAHUN 2017
DAN MAJLIS JASAMU DIKENANG 2018
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Tarikh : 09 Januari 2018
Masa : 10.00 pagi
Tempat : Dewan Perdana A
Pusat Konvensyen
Antarabangsa Putrajaya (PICC)

SALUTATION:

Terima kasih
Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Wira Halimah binti Mohamed Sadique,

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan
Tempatan

YBhg. Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek

Ketua Setiausaha
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBrs. Dr. Mary Wong Lai Lin

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBrs. Encik Khairul Dzaimie bin Daud

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

YBrs. Encik Zamri bin Salleh

Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Ketua-Ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi

**Penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017
serta pesara/bakal-bakal pesara 2018; dan**

Tuan-Tuan, Puan-Puan, para hadirin yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
Salam sejahtera dan Salam 1Malaysia Negaraku

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana limpah dan kurniaNya jua, dapat kita berkumpul bersama-sama pada hari ini, bagi meraikan para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan pesara/bakal pesara dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 dan Jasamu Dikenang 2018, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya juga amat berbesar hati dan ingin mengucapkan ribuan terima kasih kerana menjemput saya untuk menyempurnakan majlis pada hari ini. Saya juga difahamkan KPKT merupakan Kementerian pertama yang berjaya mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 dan Jasamu Dikenang 2018 pada tahun ini. Sekalung tahniah kepada Pengurusan Tertinggi KPKT dan urus setia yang berusaha gigih merealisasikan majlis yang penuh bermakna ini. Ini bermakna KPKT telah bermula dengan kecemerlangan di awal tahun 2018. Tahniah untuk semua.
2. Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini merupakan satu penghargaan dan pengiktirafan oleh Kerajaan kepada penjawat awam atas khidmat bakti, prestasi yang cemerlang serta komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan. Pada hari ini, kita berkesempatan untuk meraikan seramai **223 orang penerima** yang terdiri daripada warga KPKT yang merangkumi PLANMalaysia, JKT, JPN, JLN, JPSPN dan I-KPKT. Syabas dan tahniah saya ucapkan, semoga anugerah dan pengiktirafan ini akan

terus membakar semangat tuan/puan dalam meningkatkan kecemerlangan di masa akan datang.

3. Majlis Jasamu Dikenang pula adalah sebagai penghargaan daripada Kerajaan terhadap khidmat bakti yang telah dicurahkan dengan penuh komited di sepanjang tempoh perkhidmatan pegawai. Oleh itu, majlis ini diadakan bagi meraikan dan mengenang segala jasa yang telah dicurahkan oleh seramai **33 orang pesara** dan bakal pesara KPKT. Sesungguhnya khidmat bakti yang telah disumbangkan kepada KPKT khasnya dan Perkhidmatan Awam amnya tidak dapat dibalas. Saya merakamkan ucapan penghargaan yang tidak terhingga di atas segala jasa dan bakti yang telah diberikan.

4. Kita telah melangkah ke Tahun Baharu 2018. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Selamat Tahun Baharu 2018** kepada semua warga KPKT. Semoga dengan bermulanya tahun baru ini, maka bermulalah azam dan semangat baharu dalam diri setiap warga untuk mempamerkan kesungguhan dan kreativiti masing-masing dalam tugas yang telah diamanahkan. Harapan saya agar segala usaha mengukir lebih banyak kejayaan gemilang buat KPKT akan diteruskan.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

5. Komitmen pihak pengurusan dan warga kerja dalam sesebuah organisasi terhadap **budaya kerja cemerlang** akan **mewujudkan perkhidmatan yang telus, berintegriti, cekap dan berkesan.** Usaha ini adalah sejajar dengan matlamat Kerajaan, iaitu mewujudkan perkhidmatan awam yang cekap dan cemerlang, khususnya dari perspektif penyampaian perkhidmatan yang efektif.
6. Kerajaan juga sentiasa komited dalam mengiktiraf budaya kerja cemerlang, komitmen dan jasa yang diberikan oleh penjawat awam dengan menyediakan pelbagai anugerah atau ganjaran. Saya berharap melalui Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dapat menggalakkan pegawai dan kakitangan untuk terus memberikan komitmen dan daya usaha untuk mempertingkatkan produktiviti dan mutu kerja yang berkualiti tinggi. Ini sekaligus menjadikan perkhidmatan Kerajaan kekal sebagai perkhidmatan yang relevan dan diyakini oleh rakyat, serta menepati kehendak dan ekspektasi mereka. Pengiktirafan ini juga seharusnya mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan semua pegawai dan kakitangan untuk membuktikan keupayaan masing-masing bagi menghasilkan perkhidmatan yang terbaik.
7. Penganugerahan APC ini bukan hanya sebagai dorongan dan pengiktirafan kepada anggota yang telah menunjukkan komitmen dan

dedikasi yang tinggi dalam melaksanakan tugas atau telah menghasilkan prestasi kerja cemerlang semata-mata. Bahkan dalam skop yang lebih luas, **APC merupakan langkah ke arah membudayakan kecemerlangan menyeluruh dalam semua aspek pengurusan dan penyampaian perkhidmatan di KPKT.** Kesungguhan dan komitmen tinggi membawa kepada kecemerlangan perkhidmatan. Kecemerlangan ini boleh kita jadikan sebagai pengukur bahawa tuan/ puan telah berjaya menunaikan amanah dan tanggungjawabnya secara proaktif dalam menjayakan agenda transformasi negara.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

JASAMU DIKENANG

8. Persaraan membawa pelbagai pengertian dan makna bagi setiap penjawat awam. Hakikatnya setiap pesara sebenarnya sedang melangkah atau telah memasuki fasa hidup yang baharu dan pastinya akan berhadapan dengan suasana dan cabaran yang berbeza dengan alam pekerjaan.
9. Saya dimaklumkan ada di kalangan pesara dan bakal pesara yang telah pun berkhidmat melebihi 30 tahun. Dalam tempoh yang panjang ini, pastinya Tuan-tuan dan Puan-puan telah melalui pelbagai ranjau, suka dan duka dalam Perkhidmatan Awam. Saya yakin, sebenarnya terlalu banyak pengalaman serta pengetahuan yang telah ditimba dan dikecapi selama ini yang boleh dijadikan tauladan dan sempadan kepada generasi yang masih berkhidmat sekarang ini.

10. Pada kesempatan ini juga saya dan seluruh warga KPKT, sekali lagi, mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan Tuan-tuan dan Puan-puan kepada KPKT sehingga ke akhir perkhidmatan. Sesungguhnya sumbangan bakti inilah yang telah banyak membantu kepada kecemerlangan KPKT hari ini dan menjadi contoh kepada warga KPKT yang masih berkhidmat.

Para hadirin yang dihormati,

BUDAYA KERJA DI LUAR KELAZIMAN

11. Memetik kata-kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak dalam Majlis Amanat Perdana Perkhidmatan Awam Tahun 2017 "Demi mewajah masa depan dalam melakar perjalanan mendakapi aspirasi TN50, Perkhidmatan Awam hendaklah berpegang kepada enam (6) falsafah dan Garis Besar Haluan Menuju TN50" iaitu Kerangka Manhaj Maqasid Syariah, Tahun 2017 Sebagai Tahun Penyampaian, Prinsip Wala' dan Kesetiaan, Budaya Kerja Di Luar Kelaziman, Revolusi Perindustrian Keempat dan Ekonomi Digital Menuju TN50 dan Merekayasa Malaysia Untuk Menjadi Negara Maju
12. Salah satu daripada enam (6) falsafah tersebut ialah "**Bekerja Di Luar Kelaziman**". Bekerja melepasi dan melangkaui tahap keupayaan lazim atau kebiasaan, di luar lingkungan kotak pemikiran biasa, demi keberhasilan yang juga akan menjadi luar biasa. Saya

pasti warga KPKT yang cemerlang dalam bekerja boleh memberikan sesuatu yang lebih luar biasa daripada kelaziman biasa.

13. Kerajaan juga menyarankan agar, para penjawat awam di negara ini terus melipat gandakan usaha, dalam melatih diri menjadi *multi-tasking*, *multi-skills* dan *multi-talented*, berbudaya kreatif lagi berinovatif, yang mampu menyumbang kepada budaya kerja 'high productivity', 'high value', 'high thinking', 'high skills' dan 'highly motivated', untuk sentiasa bekerja keras bagi mencapai kejayaan untuk negara.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,

BAJET 2018

14. Sebagaimana kita sedia maklum, pada 27 Oktober 2017 yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah membentangkan "IBU SEGALA BAJET" yang bertemakan "Memakmur Ekonomi yang Inklusif, Mengimbangi Keunggulan Duniawi dan Ukhrawi Demi Mensejahtera Kehidupan Rakyat, Menuju Aspirasi TN50".
15. Di dalam Bajet 2018, KPKT telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan lima (5) perkara di bawah touch point Perumahan dan Kediaman. Di bawah *touch point* ini, Kerajaan memperuntukkan sejumlah RM2.2 bilion bagi merencanakan lagi usaha pemilikan rumah untuk rakyat yang melibatkan perkara-perkara berikut:-

- i. Peruntukkan sebanyak 17,300 unit rumah Projek Perumahan Rakyat;
 - ii. Peruntukkan 200 juta ringgit untuk penyelenggaraan dan pembaikan rumah kos rendah termasuk Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M);
 - iii. Insentif Projek Perumahan Terbengkalai yang melibatkan pengecualian duti setem ke atas perjanjian pinjaman dan surat cara pemilik serta diberikan kepada kontraktor penyelamat dan pembeli asal rumah terbengkalai;
 - iv. Pengecualian GST untuk perhidmatan pengurusan dan penyelenggaraan bangunan oleh JMB/ MC; dan
 - v. Peruntukkan 2,000 unit rumah di bawah program MyDeposit untuk membantu pembayaran deposit dan program MyHomes untuk pemaju menyediakan lebih banyak rumah mampu milik.
16. Secara keseluruhan, Bajet 2018 yang telah dibentangkan merupakan belanjawan paling komprehensif seterusnya mencerminkan perancangan sistematik sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dengan mengutamakan kepentingan rakyat daripada pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira fahaman politik. Pelaksanaannya juga perlu berlaku dalam keadaan yang cekap dan berkesan agar setiap rakyat dapat merasainya.

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian,

PRU 14

17. Pencapaian negara pada hari ini, tidak akan terhasil tanpa dasar dan program jelas yang ditetapkan oleh kepimpinan negara. Dasar dan program yang ditetapkan pula, perlu dilaksanakan oleh sektor perkhidmatan awam. Oleh itu, saya menyeru kepada semua menetapkan kesetiaan kita kepada Raja, Negara dan Kerajaan yang memerintah bagi mengekalkan kelangsungan pelaksanaan dasar dan program yang telah direncanakan.

18. Cendekiawan juga ada menyatakan tiada kejayaan semanis madu tanpa usaha sepahit hempedu. Maka kejayaan yang kita kecapai hari ini adalah atas usaha gigih, perit jerih yang telah diusahakan sebelum ini bagi mengecapi nikmat keamanan, kemakmuran dan kemajuan negara kita pada hari ini.

PENUTUP

19. Dalam perkara ini, sepertimana yang kita tahu bahawa PRU 14 akan diadakan pada tahun 2018 ini. Justeru saya menyeru tuan/ puan semua supaya membuat pertimbangan yang sehabis baik apabila tiba masanya nanti. Keamanan dan kestabilan ekonomi dan politik negara hanya dapat dicapai melalui sebuah kerajaan yang kukuh dan berwawasan.

20. Akhir kata, sekali lagi saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPKT bagi tahun 2017. Saya juga ingin mengucapkan selamat bersara kepada semua pesara dan bakal pesara 2018. Setinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah menjayakan majlis ini.

21. Saya berharap penganugerahan ini dapat menggalakkan warga KPKT dan agensi agar terus memberikan sumbangan dan berusaha untuk mempertingkatkan produktiviti dan mutu kerja yang berkualiti tinggi serta menghasilkan perkhidmatan yang terbaik.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

Disediakan oleh:

Bahagian Sumber Manusia
Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
4 Januari 2018